

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HSM 414 Sejarah Masalah Perburuhan di Malaysia

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam DUA (2) muka surat.

Jawab EMPAT (4) soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. "Pembahagian dan identifikasi kaum dengan pekerjaan-pekerjaan tertentu di Malaya adalah hasil daripada nilai-nilai sosial dan kebudayaan yang berlainan". Bincangkan.
2. Bincangkan isu-isu perburuhan pada 1930an yang akhirnya mencetuskan mogok-mogok kaum buruh China dan India antara 1937 - 1941.
3. Kesan-kesan pendudukan Jepun (1942 - 1945) merupakan suatu faktor penting dalam perkembangan pergerakan buruh di Malaya. Mengapa?
4. Mengapa kegiatan kesatuan sekerja di Malaya antara 1945 - 1948 tidak dapat dipisahkan daripada pergerakan politik?
5. Dalam perusahaan getah di Malaya, bagaimanakah pihak kerajaan dan majikan mempertahankan kedudukan mereka daripada mogok-mogok militan yang berlaku antara 1945 - 1948?
6. Apakah faktor-faktor utama yang mungkin mempengaruhi penubuhan Majlis Kesatuan Sekerja Malaya (Malayan Trade Union Council) pada awal 1950an?

7. "Syarat-syarat utama yang termaktub dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959 membayangkan usaha pihak kerajaan mahu meyekat kegiatan-kegiatan kesatuan sekerja semasa 1956-1957". Bincangkan kebenaran penyataan ini.
8. Apakah dasar kerajaan terhadap perkembangan kesatuan sekerja dan perhubungan perusahaan di Malaya selepas pengisytiharan Darurat?

-ooooO00oooo-